

# Panel ekonomi semak semula dasar-dasar dituntut

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Kerajaan telah menubuhkan sebuah Panel Ekonomi dengan arahan menyemak semula semua dasar dan amalan jenteranya untuk memastikan sama ada ia memenuhi kehendak penubuhannya atau masih sesuai dengan perubahan masa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini, Kerajaan masih belum puas hati dengan apa yang dicapai atau dilakukannya di Malaysia.

"Kita sentiasa menyemak semula diri kita. Satu Panel Ekonomi telah ditubuhkan baru-baru ini bagi tujuan itu", katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Ekonomi Malaysia ke tujuh di sini. Beliau berkata, Kerajaan tidak berniat menjadi keras atau men-

fatkan dasar dan undang-undang sebagai sesuatu yang tidak boleh diubah-ubah.

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu pemberita kemudian "Panel itu telah diarah supaya mengkritik Kerajaan".

Ia dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman dan dianggotai oleh beberapa wakil dari sektor swasta termasuk ahli-ahli ekonomi dan tokoh-tokoh universiti.

## Laporan

Menurutnya, Panel Ekonomi itu telah mengadakan beberapa mesyuarat dan mengemukakan satu laporan kepada Kerajaan. Beliau sedang meneliti laporan itu.

Dalam ucapannya, beliau berkata, tema konvensyen tersebut, "Ekonomi Malaysia Di Persempang: Penyusunan Dasar Atau Transformasi Struktur" adalah tepat dan sesuai kerana rancangan 20 tahun Dasar Ekonomi Baru te-

lah memasuki suku ke tiga, dan pada masa yang sama, dunia dan negara ini melalui tempoh ekonomi yang rumit.

"Keperluan mencapai matlamat politik dan sosial selanjutnya mengahiri perancangan dan pelaksanaan ekonomi.

"Oleh itu, adalah penting untuk menyemak semula dasar-dasar, dan membuat perubahan susunan supaya dasar dan susunan tidak sendirinya menjadi matlamat tetapi landasan mencapai matlamat-matlamat ekonomi, sosial dan politik", katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia adalah sebuah negara perdagangan bebas tetapi ekonominya terliakuk kepada berbagai peraturan sama seperti semua ekonomi perdagangan bebas.

"Tetapi jika perbandingan dibuat walaupun dengan negara-negara barat yang dikatakan liberal, didapati Malaysia mempunyai lebih kurang peraturan dari kebanyakan negara", tambahnya.

Menurutnya, jika negara-negara lain kelihatan lebih liberal, ia disebabkan mereka tidak diuji atau terancam. "Jika diancam, reaksi mereka adalah mengenakan berbagai peraturan keras".

Perdana Menteri memberi contoh pengubahan peraturan untuk menghadkan perdagangan bebas apabila amalan pembelian saham oleh pihak asing menjadi perkara biasa sedangkan tidak wujud peraturan semasa amalan itu.

## Mengawal

Datuk Seri Dr Mahathir membidas negara-negara ekonomi pasaran perdagangan bebas yang liberal itu kerana peraturan untuk mengawal ekonomi negara-negara perdagangan bebas bagi faedah mereka.

Beliau berkata, Malaysia juga mempunyai peraturan-peraturan dan dasar "tetapi kita lebih terbuka mengawalannya".

"Kita tidak mempunyai Pejabat Makanan dan Dadah bagi tujuan menolak barangan dan kita juga tidak mempunyai institusi piaswaan untuk tujuan yang sama.

"Scellahnya kita mempunyai Rancangan Lima Tahun dan dasar-dasar Perdagangan dan Pelaburan yang diburukkan dengan jelas", ujarnya.

Beliau berkata, Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit setahun untuk menjelaskan dasar-dasarnya. Dan apabila beberapa dasar tertentu atau amalan tertentu oleh orang asing, Kerajaan menyemaknya untuk memusnahkan mereka yang mengadu.

"Lantaran itu, visa dan permit-permit kerja dikeluarkan dengan mudah. Syarikat-syarikat asing dan tempatan dapat mendirikan perniagaan baru dengan mudah.

"Perlindungan adalah kurang, walaupun terdapat bukti jelas berlaku longgokan barangan",



DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad (tiga dari kiri) dipertalikan mengambil tempat duduk oleh Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia Datuk Dr Mokhzani Ab-

dul Rahim sebelum merasmikan konvensyen ke tujuh persatuan itu di Kuala Lumpur semalam. —Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia